



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web: www.mof.gov.my

MOF.600-9/5/17 Jld.4 ()
2 April 2024

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
Aras 8, Setia Perkasa 3
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan)

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MELAKSANAKAN KURSUS PERINGKAT TINGGI DI DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI CALON YANG TERPILIH SEBAGAI KUMPULAN PENERAJU *MASTER TRAINER* BIDANG *NEW EMERGING TECHNOLOGY* DARIPADA ENAM (6) AGENSI AWAM UTAMA PELAKSANA PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) BIDANG *AUTONOMOUS AND ELECTRIC VEHICLE*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) rujukan KSM.200-2/1/3 JLD.3 (14) bertarikh 19 Mac 2024 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan tiada halangan ke atas permohonan KESUMA untuk mendapatkan pengecualian khas di bawah Pekeliling Perbendaharaan PB3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (Pindaan 2022), Perenggan 3.21 mengenai penyertaan 10 orang *master trainer* dari pelbagai kementerian/agensi menghadiri Program *Advanced Driver Assistance System* (ADAS) dalam bidang *Autonomous and Electric Vehicle* di Carl Duisberg Centren (CDC), Cologne, Jerman pada 6 hingga 25 Mei 2024.

3. Persetujuan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal kementerian/agensi terlibat. KESUMA hendaklah memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemat mengikut skop yang dipersetujui di bawah RMKe-12 dan dibiayai menggunakan peruntukan sedia ada. Semua peraturan dan Arahan/Pekeliling kewangan termasuk kadar kelayakan dan keraian Kerajaan yang sedang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(LIM CHAI FEN)

Pejabat Belanjawan Negara
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
E-mel : limchaifeng@treasury.gov.my
☎ : 03 – 8882 3862 ☎ : 03 – 8882 3858